

## Bab 3

### Kaedah Penyelidikan

#### 3.1 Pengenalan

Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau sejauh manakah persepsi guru-guru sekolah rendah yang sedang mengajar mata pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris. Responden telah menghadiri kursus dalam perkhidmatan anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mata pelajaran tersebut di peringkat daerah, zon atau negeri pada tahun 2002.

Di samping itu, kajian ini juga bertujuan mengenalpasti adakah faktor-faktor seperti jantina, umur, bilangan tahun perkhidmatan kumpulan guru ini mempengaruhi persepsi mereka terhadap keberkesanan kursus dalam perkhidmatan P&P mata pelajaran Sains menggunakan bahasa Inggeris.

Kajian ini juga ingin mengumpul maklumat tentang pandangan mereka terhadap kursus berkenaan. Daripada data dapatan ini, kekuatan dan kelemahan dalam pelaksanaan kursus dalam perkhidmatan ini akan dianalisis dan cadangan-cadangan tentang langkah-langkah pelaksanaan yang lebih bermakna dan berkesan juga akan dibincangkan.

Bab ini akan membincangkan kaedah dan prosedur menjalankan kajian ini. Perbincangan disusun seperti berikut: (a) Kaedah kajian. (b) Instrumen kajian. (c) Sampel kajian. (d) Pengumpulan data. (e) Kaedah menganalisis data

### 3.2 Kaedah Kajian

Kajian ini bertujuan meninjau persepsi guru-guru yang telah menghadiri kursus dalam perkhidmatan P&P mata pelajaran Sains menggunakan bahasa Inggeris pada 2002, yang sedang mengajar tahun satu di semua aliran sekolah rendah di daerah Hulu Perak pada 2003.

Kaedah kajian yang telah dipilih untuk menjalankan kajian ini ialah kaedah penyelidikan kuantitatif secara 'survey'. Kaedah ini digunakan kerana pengkaji dapat memperolehi maklumat yang diperlukan secara objektif tentang kursus dalam perkhidmatan P&P mata pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris dengan merujuk kepada tindak balas yang diberi oleh sampel kajian. Dalam kajian ini, kaedah survey digunakan untuk menghimpun maklumat dalam bentuk data perbandingan (quantifiable information.), iaitu satu set soalan yang sama dikemukakan kepada sampel kajian yang terlibat.

Menurut Fraenkel dan Wallen (1993) serta Kerlinger (1973) mengatakan bahawa kaedah ini sesuai untuk mengukur pendapat, dengan menggunakan kaedah kajian ini, pengkelasan dan perbandingan jawapan bagi pernyataan yang disediakan boleh memberi gambaran jelas tentang pelaksanaan program yang telah diadakan.

Kajian ini menggunakan satu set soal selidik berstruktur yang direka dan diubahsuai oleh pengkaji sendiri berdasarkan beberapa tesis sarjana yang lepas, antaranya: Sukumaran (1984), Mohamed Sani (1979) dan Mahadavan (1990).

Pengkaji telah menjalankan tinjauan ini dengan pergi sendiri dengan responden yang sedang mengajar mata pelajaran Sains tahun satu yang telah menghadiri kursus dalam perkhidmatan mata pelajaran Sains pada hujung tahun 2002. Responden telah diberikan masa selama lebih kurang satu jam untuk menjawab soal selidik tersebut.

### **3.3 Sampel Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih seramai 35 guru yang terdiri daripada guru-guru yang sedang mengajar mata pelajaran Sains di daerah Hulu Perak dan kumpulan responden ini telah mengikuti kursus dalam perkhidmatan P& P Mata Pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris pada hujung tahun 2002 , samada di peringkat zon atau di peringkat negeri. Mereka terdiri daripada guru-guru SK, SRJK ( C ) dan SRJK ( T). Senarai nama sekolah diperolehi daripada Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Perak. Tujuan utama daerah ini dipilih adalah kerana daerah ini terletak di luar bandar dan penggunaan bahasa Inggeris bukan bahasa pertuturan harian samada di kalangan guru ataupun murid-murid. Soal selidik yang terdiri daripada beberapa bahagian .

### **3.4 Instrumen Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan instrumen soal selidik. Instrumen ini dibahagikan kepada : A) latar belakang responden. B) Tujuan Kursus. C) Proses Perancangan Kursus. D) Kegunaan Kursus. E) Kualiti Pensyarah. F) Kaedah dan Alatan Bantu Mengajar. G) Penilaian Kursus.

### 3.4.1 Soal selidik

Soal selidik digunakan di dalam kajian ini diubahsuai dan dibentuk semula oleh pengkaji berdasarkan beberapa tesis sarjana yang lepas. Beberapa pengubahsuaian dibuat oleh pengkaji sendiri mengikut latar belakang dan sample kajian. Setelah itu, kajian rintis juga dibuat oleh pengkaji untuk memastikan bahawa soalan-soalan digunakan itu difahami oleh responden. Penekanan diberikan kepada aspek keberkesanan kursus dalam perkhidmatan P& P mata pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris. Kiraan digunakan berdasarkan skala Likert 5 poin yang digunakan dalam soal selidik. iaitu :

Sangat setuju –5

Setuju – 4

Tidak pasti – 3

Tidak setuju –2

Sangat tidak setuju – 1

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada tujuh 7 bahagian. Sebahagian besar daripada item-item dibina merupakan soalan-soalan tertutup, iaitu pilihan-pilihan jawapan diberi sebagai panduan menjawab. Item-item tersebut menggunakan skala Likert 5 poin yang mempunyai lima pilihan jawapan. Penggunaan skala Likert 5 poin ini memudahkan penganalisan data dan juga memastikan responden memberi jawapan secara objektif.

Walau bagaimanapun, beberapa ruang kosong diberikan supaya responden dapat mencatatkan perkara-perkara lain yang berkaitan yang tidak disenaraikan dalam soal selidik. Terdapat juga soalan terbuka yang bertujuan untuk memperolehi maklumat lanjut dan pandangan daripada responden.

Item-item dalam borang soal selidik yang digunakan disusun seperti berikut:

#### **3.4.1 Bahagian 1: Latar Belakang Responden**

Bahagian ini mengandungi enam (6) item untuk mengetahui latar belakang dan ciri-ciri responden dari segi jantina, umur, kelayakan akademik, pengalaman mengajar. Maklumat di atas akan diperlukan untuk menerangkan profil responden.

#### **3.4.1 Bahagian 2 : Tujuan Kursus**

Bahagian ini terdiri daripada tujuh (7) item untuk mengkaji persepsi peserta mengenai aspek tujuan dan objektif kursus dalam perkhidmatan P&P mata pelajaran Sains dalam bahasa Inggeris. Bahagian ini menggunakan skala Likert 5 poin cara ini membantu pengkaji membuat analisis berkenaan secara objektif.

#### **3.4.1 Bahagian 3 : Proses Perancangan Kursus**

Untuk Bahagian ini, responden diminta meminta menyatakan persepsi mereka tentang proses perancangan kursus. Bahagian ini terdiri daripada enam (6) item yang menggunakan skala Likert 5 poin . Manakala dua (2) item lagi memberi peluang kepada responden untuk menjawab secara terbuka dan keutamaan yang mereka berikan.

#### **3.4.1 Bahagian 4: Kegunaan Kursus**

Responden dikehendaki menyatakan pendapat mereka samada kursus dalam perkhidmatan yang mereka ikuti itu memberi faedah kepada mereka dari pelbagai aspek. Bahagian ini mempunyai tujuh (7) item menggunakan skala Likert 5 poin dan satu item meminta responden memberikan pendapat mereka tentang faedah yang tidak disenaraikan dalam 7 item di atas.

#### **3.4.1 Bahagian 5 : Kualiti Pengajar Kursus**

Untuk bahagian ini, responden diminta menyatakan persepsi mereka tentang kualiti tenaga mengajar bagi kursus yang mereka hadiri. Bahagian mengandungi dua belas (12) item yang membolehkan responden menilai kualiti pengajar mengendalikan sesi kursus dalam perkhidmatan tersebut. Selain dari itu bahagian ini juga menggunakan skala Likert 5 poin supaya responden boleh menjawab secara objektif. Manakala terdapat item ke 13 yang meminta responden menjawab kualiti penyarah yang perlu diambilkira yang boleh meningkatkan prestasi dan keberkesanan kursus.

#### **3.4.1 Bahagian 6: Kaedah dan Alat Bantu Mengajar**

Sebanyak sebelas (11) item berkaitan reka bentuk latihan iaitu kaedah dan alatan yang digunakan oleh pensyarah, antaranya aktiviti-aktiviti semasa kursus, alat bantu mengajar yang boleh membantu pengajaran pensyarah. Item-item di atas menggunakan skala Likert 5 point untuk melihat persepsi responden tentang keberkesanan reka bentuk latihan. Manakala terdapat satu item meminta responden menjawab secara terbuka bagaimana boleh meningkatkan keberkesanan penggunaan kaedah dan ABM.

### 3.4.1 Bahagian 7: Penilaian kursus

Bahagian ini bertujuan mendapatkan maklumat daripada responden tentang cara penilaian kursus yang disediakan oleh pihak pengajar. Empat (4) soalan struktur berpandukan skala Likert 5 point yang sama. Pada akhir bahagian ini responden diminta memberi cadangan-cadangan mereka tentang cara-cara difikir boleh meningkatkan mutu kursus dalam perkhidmatan .

### 3.5 Ujian rintis

Ujian rintis dijalankan bertujuan untuk melihat masalah yang berkaitan dengan instrumen kajian. Ia meliputi beberapa aspek seperti berikut:

- a. Istilah/perkataan yang digunakan
- b. Adakah soalan itu jelas dan spesifik?
- c. Adakah terdapat soalan berjenis “leading”?
- d. Adakah soalan sesuai digunakan kepada responden yang terlibat?
- e. Adakah soalan itu boleh dibaca?

Oleh itu , setelah membuat rangka soal selidik, ujian rintis dijalankan dengan memberikan soal selidik berkenaan kepada lima (5) orang guru yang tidak terlibat dalam soal selidik sebenar. Responden berkenaan diberi masa satu jam untuk menjawab soal selidik tersebut. Selepas itu, segala komen dan teguran berkenaan reka bentuk dan isi kandungan diterima dan diberi pertimbangan wajar. Kemudian soal selidik sebenar telah dibentuk setelah beberapa pindaan telah dibuat.

### **3.6 Pentadbiran Kajian.**

Setelah mendapat kelulusan secara bertulis daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (Lampiran A) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak (Lampiran B). Pengkaji telah menelefon guru besar sekolah-sekolah di daerah tersebut memberitahu tujuan kajian dan menanyakan masa yang sesuai untuk datang ke sekolah berkenaan. Pengkaji sendiri telah menghantar soal selidik itu ke sekolah-sekolah di daerah Hulu Perak. Guru –guru dari sekolah-sekolah berkenaan diberi masa lebih kurang sejam untuk menjawab soal selidik . Selepas itu, soal selidik dikumpul balik oleh pengkaji sendiri. Proses ini mengambil tiga (3) hari melibatkan sekolah-sekolah dari tiga (3) daerah kecil di daerah Hulu Perak iaitu Gerik , Lenggong dan Pengkalan Hulu.

### **3.7 Analisis Data**

Data-data yang telah dikumpul, diproses dan seterusnya akan dianalisis dengan menggunakan program komputer SPSS 10.5 (Statistical Package for Social Sciences). Sebelum keputusan sebenar dianalisis, Data kasar (raw) dicetak terlebih dahulu untuk mengesan corak dan kesilapan yang telah dilakukan semasa memasukan data kasar.

Bagi menganalisis data, kaedah statistik diskripsi digunakan melalui taburan kekerapan, peratusan, purata, sisihan piawai dan kaedah statistik inferens, ujian-t digunakan bagi mendapatkan perbezaan persepsi jantina dan ANOVA satu hala digunakan untuk mendapatkan perbezaan persepsi guru mengikut umur dan pengalaman. Bagi memudahkan penerangan dan penerjemahan data , opsyen “sangat setuju” dan



“setuju” akan disatukan sebagai “setuju” dalam kiraan taburan responden . Manakala opsyen “tidak pasti”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” akan disatukan sebagai “tidak setuju” dalam kiraan taburan responden.